

31 MAR 2001

Mahathir-Fauzi

UMNO TUBUH JAWATANKUASA KHAS SIASAT DAKWAAN FAUZI

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno akan menubuhkan segera sebuah jawatankuasa sementara khas bagi menyiasat semua dakwaan yang dibuat oleh Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah Datuk Fauzi Abdul Rahman.

Katanya penyiasatan itu termasuk mengenai amalan politik wang, penyelewangan dalam kerajaan dan sebuah syarikat seperti yang didakwa oleh Fauzi.

"Sementara siasatan itu dijalankan, mesyuarat (perwakilan) Umno bahagian Kuantan akan ditangguhkan sehingga selesai siasatan itu," katanya pada sidang media selepas menpengkerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, petang ini.

Dr Mahathir, yang juga presiden Umno, berkata Fauzi belum meletakkan jawatan sebagai Adun Beserah.

"Bagi Umno, kita tak hendak dia letak jawatan, tapi kita tak ada cara untuk memaksa (Fauzi)," katanya.

Perdana Menteri berkata jawatankuasa khas itu akan ditubuhkan di bawah Lembaga Disiplin parti dan dianggotai oleh individu yang neutral.

"Kita minta semua pihak memberi kerjasama dengan memberi bukti-bukti yang jelas supaya tindakan boleh diambil terhadap mereka yang terlibat dengan politik wang dan lain-lain kesalahan mengikut tuduhan yang dibuat oleh Datuk Fauzi," katanya.

Semalam, Fauzi berkata tindakannya melepaskan kerusi DUN Beserah dibuat setelah mendapati majoriti cawangan Umno di Beserah tidak mencalonkannya untuk mempertahankan jawatan sebagai Ketua Umno Bahagian Kuantan pada pemilihan bulan depan.

Beliau mendakwa adanya unsur-unsur sogokan atau politik wang pada pemilihan di peringkat bahagian Umno.

Surat peletakan jawatan Fauzi diserahkan oleh Setiausaha Khasnya Noor Ferizli Nordin kepada Setiausaha Politik Menteri Besar, Samsuddin Nawawi di kediaman Fauzi di Bandar Indera Mahkota, Kuantan semalam.

Surat itu dialamatkan kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob bagi menyatakan hasrat Fauzi untuk mengosongkan kerusi DUN Beserah yang dimenangnya pada pilihan raya lepas.

Mengenai kedudukan Fauzi, Dr Mahathir berkata, Adun Beserah itu tidak membuat permintaan untuk meletakkan jawatan dalam surat yang diserahkan kepada Adnan.

"Itu bukan surat peletakan jawatan. Seseorang wakil rakyat boleh meletakkan jawatan dengan mengemukakan surat perletakan jawatan kepada speaker (dewan undangan negeri)," katanya.

Beliau berkata soal peletakan jawatan itu harus ditentukan oleh Fauzi sendiri tetapi Umno akan menyiasat dakwaan-dakwaannya bagi menentukan kesahihannya.

Dr Mahathir berkata dalam surat yang dihantar kepada Adnan, Fauzi tidak menyatakan dengan jelas tentang kedudukan dirinya untuk meletakkan jawatan sebagai Adun kerana Fauzi berkata beliau mahu kekal dalam Umno.

"Kita akan menyiasat semua (tuduhan) secara serius, kalau ada bukti terlibat dengan politik wang, tindakan akan diambil dengan cukup tegas... tak kira lapisan mana," katanya.

Ditanya mengapa perhatian istimewa diberikan kepada aduan yang dibuat oleh Fauzi sedangkan Lembaga Disiplin Parti juga menerima banyak aduan lain mengenai salah laku oleh anggota Umno, Dr Mahathir berkata:

"Tumpuan diberikan kepada aduan Fauzi kerana beliau mahu melakukan sesuatu yang boleh merosakkan parti, yang lain cuma aduan sahaja, sebab itu kita kena tumpu perhatian".

Mengenai kedudukan Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob, yang namanya dikaitkan dalam tuduhan Fauzi, semasa jawatankuasa khas itu menjalankan siasatan, Dr Mahathir berkata Khalil akan menjalankan tugasnya seperti biasa.

Umno, katanya, berpegang kepada anggapan bahawa seseorang itu tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah.

Dr Mahathir menegaskan bahawa siasatan itu akan dijalankan terhadap semua tuduhan Fauzi termasuk aduan polis yang dibuatnya terhadap Khalil.

Fauzi membuat satu aduan polis Rabu lepas terhadap Khalil, yang didakwa melakukan penyelewengan dalam tindak tanduknya ketika menjadi Menteri Besar Pahang.

"Kita periksa, tengoklah, dalam pada itu saya ingin mengingatkan kepada semua yang membuat tuduhan adanya politik wang ini. Kalau kita dapati tuduhan mereka tidak berasas, tindakan akan diambil terhadap mereka juga.

"Bila nak buat tuduhan mesti ada asas kerana dia memburukkan parti," katanya.

Dr Mahathir turut mengumumkan pelantikan anggota MT Azalina Othman sebagai ketua Puteri Umno.

Beliau juga berkata semua Menteri Besar Umno yang tidak menjadi anggota MT akan dibenarkan menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi parti mulai mesyuarat akan datang.

Sementara itu, semasa ditanya sama ada dakwaan-dakwaan Fauzi itu akan memberi kekuatan baru kepada PAS, Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata ia tidak mungkin berlaku kerana semangat anggota-anggota Umno masih kuat.

Menurutnya perselisihan faham dalam parti bukan berlaku di Pahang sahaja tetapi turut melibatkan negeri lain dari semasa ke semasa.

"Kita dah menghadapi pelbagai ujian. Di Pahang kita cepat menyusun barisan kita dan saya yakin kita mampu berbuat demikian," katanya.

-- BERNAMA

AFY SHS DC NAK